

Pupuk kesedaran cintai sungai

Ipoh: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menganjurkan Program Pendidikan Sungai Kita bagi memberi kesedaran dan kepentingan penjagaan sungai di negeri ini.

Projek perintis meningkatkan kesedaran menjaga sungai itu sudah dimulakan sejak dua tahun lalu, berjaya mengurangkan kuantiti sampah sarap yang dibuang ke dalam sungai.

Program anjuran bersama sebuah badan iaitu 'Working Actively Through Education and Rehabilitation' atau dikenali WATER Project, berusaha memberi kesedaran dan meningkatkan keseda-

ran orang awam supaya menjaga kebersihan sungai bagi mengelak sumber air bersih terjejas.

Pengarah JPS negeri Datuk Ir Abdul Razak Dahalan, berkata, program itu bukan saja membabitkan Sungai Kinta, malah tiga anak sungainya iaitu Sungai Senam, Sungai Buntong dan Sungai Kle-dang.

Menurutnya, program berkenaan mendidik orang ramai supaya mengurangkan pembaziran air dan memelihara sungai yang menjadi sumber kepada air bersih.

"Setakat ini 60 peratus da-ri pada projek ini sudah ber-

jalan dengan baik dan kita dapat melihat adanya peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap penjagaan kebersihan sungai apabila kuantiti sampah yang dibuang ke dalam sungai semakin berkurangan.

"Dengan adanya program seumpama ini, diharap masyarakat terutama penduduk yang tinggal berhampiran sungai sentiasa menjaga kebersihan dengan tidak membuang sampah ke dalam sungai," katanya pada sidang media di majlis pra pelancaran Karnival Sungai Kinta di tebing Sungai Kinta di sini.



ANGGOTA JPS
membersihkan
Sungai Kinta.